



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28/11/2019	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

JPNP sita kilang papan haram

KUANTAN- Sebuah kilang papan di Batu 12, Jalan Kuantan-Gambang yang beroperasi secara haram di sini disita Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Isnin lalu.

Penguatkuasa JPNP merampas tiga jentera fklif, mesin pemotong dan mesin membelah kayu, sebuah jengkaut dan beberapa lagi peralatan pada serbuan pada hari pertama Operasi Bersepadu Ops Kilang Hasil itu.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, tiga pekerja warga tempatan berusia 29 hingga 49 ditahan untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, beberapa pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia yang bekerja di kilang berkenaan ditahan Jabatan Imigresen yang turut menyertai operasi tersebut.

"Siasatan mendapati kilang haram itu mengeluarkan kayu bergergaji

bersaiz kecil dan sederhana termasuk kayu dari jenis akasia untuk pasaran tempatan.

"Empat kilang papan di daerah ini diperiksa secara menyeluruh dan satu kilang haram disita," katanya.

Nor Azirim berkata, pihaknya turut menyita beberapa mesin dan peralatan dari dua kilang papan di sini kerana tidak berdaftar dengan bahagian kilang JPNP.

"Operasi selama lima hari yang turut disertai 10 agensi lain kali ini memberi tumpuan kepada beberapa kawasan panas di daerah ini.

"Pihak jabatan tidak akan berkompromi dengan pemilik kilang yang terbukti tidak mematuhi peraturan dan syarat ditetapkan dengan mengambil tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.

Menurutnya, operasi tersebut diharapkan memberi kesedaran kepada pemilik kilang papan supaya mematuhi semua peraturan.



Anggota Penguatkuasa JPNP melakukan proses sitaan ke atas mesin di kilang papan haram yang beroperasi di Batu 12 Jalan Kuantan-Gambang kelmarin.